



## JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA (JAKIM)

JAKIM mempelawa calon-calon Warganegara Malaysia yang berkelayakan untuk mengisi kekosongan jawatan seperti berikut:

### **PENOLONG PEGAWAI HAL EHWAL ISLAM GRED S29 (CONTRACT OF SERVICE)**

Taraf jawatan : Kontrak (*Contract of Service*)  
Bayaran Gaji : RM1,493.00 Minima  
Penempatan : Putrajaya (4 kekosongan)

### **DESKRIPSI TUGAS**

1. Melaksanakan aktiviti di Seksyen Pendaftaran dan Semakan, Bahagian Pengurusan Halal.
2. Menyediakan perkhidmatan kepada pelanggan melalui kaunter (*helpdesk*).
3. Menerima, membuat pengesahan dan penilaian awal (*screening*) dan memproses permohonan yang diterima secara atas talian/ kaunter/ pos.
4. Melaksanakan semua prosedur pemeriksaan audit pematuhan halal bagi mencapai objektif pensijilan Halal di Malaysia dari aspek Syariah.

### **SYARAT PERMOHONAN**

1. Warganegara Malaysia;
2. Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
3. Berkelulusan:
  - i. Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dengan mendapat prinsipal dalam subjek Syariah, Usuluddin atau Bahasa Arab. **[Gaji Permulaan ialah pada Gred S29 : RM1,493.00]; atau**
  - ii. Sijil Tinggi Agama Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan. **[Gaji Permulaan ialah pada Gred S29 : RM1,493.00]; atau**
  - iii. Diploma dalam bidang Tahfiz Al-Quran, Pengajian Islam atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya **[Gaji Permulaan ialah pada Gred S29 : RM1,770.95]; dan**
  - iv. Memiliki kepujian sekurang-kurangnya Gred C dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat SPM/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

#### **Keutamaan:**

4. Berkeupayaan untuk bekerja lebih masa dalam persekitaran yang mendesak.
5. Kelebihan kepada calon yang menguasai Bahasa Inggeris dan Bahasa Arab dengan baik.

### **CARA MEMOHON**

1. Sila kemukakan **resume, salinan kad pengenalan, salinan sijil dan transkrip akademik** serta **salinan sijil-sijil lain** yang berkaitan melalui pos ke alamat berikut:

Bahagian Pengurusan Sumber Manusia  
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia  
Aras 6, Blok B, Kompleks Islam Putrajaya  
No. 23, Jalan Tunku Abdul Rahman  
Presint 3, 62100 PUTRAJAYA

2. Sila **tuliskan nama jawatan yang dimohon** di sebelah kiri (atas) sampul surat.
3. Sila pastikan **alamat e-mel dan nombor telefon** untuk dihubungi adalah yang terkini dan aktif.

### **PERHATIAN**

Hanya calon yang disenarai pendek akan dipanggil untuk menghadiri temu duga.

**Tarikh Tutup Permohonan: 15 JULAI 2020 (RABU)**